

Jonathan sasar tempat ke Sukan Asia

Kuala Lumpur: Selepas menempah tiket ke Sukan Komanwel 2014, Julai ini, penembak elit negara, Jonathan Wong Guanjie kini mengintai peluang ke Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan, September ini.

Penembak berusia 22 tahun itu, bagaimanapun berkata dia perlu mengharungi beberapa kejohanan kelayakan dalam tempoh terdekat bagi menceraikan peluang beraksi buat pertama kali pada Sukan Asia.

Buat permulaan, dia akan bersaing pada Kejohanan Air Gun Asia Ketujuh di Kuwait, Mac ini.

"Pencapaian saya memang meningkat sejak Sukan SEA 2013 di Myanmar, Disember lalu berikutan penggunaan pistol baharu dan bimbingan jurulatih baharu, Zamil Ahmad Murad.

"Kehadiran jurulatih baharu ini akan menyuntik semangat kepada saya dan rakan sepasukan untuk memberi aksi terbaik di Kuwait," katanya semalam.

Menyentuh mengenai sasaran peribadinya tahun ini, Jonathan berkata dia hanya menasaskan untuk mengekalkan persembahan cemerlangnya selain memberikan fokus sepenuhnya dalam bidang pelajaran dalam jurusan Kejuruteraan Aeroangkasa di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Sukan Komanwel akan bermula dari 23 Julai hingga 3 Ogos manakala Sukan Asia berlangsung dari 19 September hingga 4 Oktober ini.

BERNAMA